

**PERSEPSI PEGAWAI KEWANGAN AWAM NEGERI SABAH
TERHADAP PERLAKSANAAN PENGURUSAN KEWANGAN
BERASASKAN AKTIVITI**

RASID HJ. MAIL

**PENYELIDIKAN INI DIKEMUKAKAN DI BAWAH SKIM
PENYELIDIKAN MUDA**

**SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2001



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB I

ABSTRAK

Perkembangan dalam persekitaran operasi perkhidmatan awam pada masa ini telah mendorong setiap aspek dalam sektor awam menyerap perubahan yang berlaku serta mengambil langkah penyesuaian yang perlu. Aspek kualiti merupakan elemen yang penting dalam perubahan persekitaran di atas dan keadaan ini menyebabkan pengurusan kewangan sektor awam menjadi semakin penting dan kritikal. Berikutan daripada meningkatnya kesedaran dan minat orang awam terhadap pengurusan kewangan awam, peraturan dan perundangan pengurusan wang awam menjadi lebih kompleks. Keadaan ini memaksa proses menambah baik kualiti pengurusan kewangan awam dipertingkatkan. Salah satu daripada proses penting dalam pengurusan kewangan awam adalah penyediaan belanjawan tahunan. Profesyen perakaunan, khususnya perakaunan pengurusan mengemukakan kaedah pengurusan berasaskan aktiviti (activity based management) sebagai satu alternatif bagi maksud di atas. Kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan dan penerimaan para pegawai kewangan awam terhadap pendekatan baru ini. Skop kajian akan meliputi jabatan dan agensi kerajaan di Negeri Sabah serta mencakupi aspek-aspek jangkaan faedah dan masalah pelaksanaan pendekatan pengurusan berasaskan aktiviti dalam organisasi mereka. Akhirnya kajian ini akan cuba mencadangkan langkah penambahbaikan dalam pengurusan kewangan awam, khususnya dalam penyediaan dan pengurusan belanjawan tahunan berdasarkan dapatan kajian ini.

ABSTRACT

Current environment development has forced every angle in public sector to absorb changes and to take necessary action to suit to the requirement. Quality aspect is very crucial in the abovementioned development, as a result financial management in public sector has become more important and critical. Due to the increase in public awareness towards public fund management, public finance rules and regulations become more demanding and complicated. This situation enhance quality improvement in public fund management. Budgeting is one of the most important process in public fund management. Accounting profesion, management accounting in particular proposed activity-based management as an alternative to tackle the above issue. This research is to study the view and acceptance of public finance officers towards this new approach. This study will cover government departments and agencies in Sabah, which will take into consideration the expected benefit and problems of the implementation. Finally this research will suggest improvement mechanism in public fund management, particularly in the preperation and management of yearly budget based on the research findings.